

DUA KERJA TAMPUNG HIDUP

Akibat kos sara
hidup semakin
meningkat, rakyat
semakin terhimpit

FOKUS
Hari ini

3 HALAMAN
LIPUTAN
PENUH

Dapat kebenaran ketua jabatan

BAGI kakitangan awam, Hairul Nizat Siban, pada awalnya dia memelihara kambing sebagai kerja sampingannya bagi menghilangkan tekanan selepas bekerja, namun kini ia menjadi sumber pendapatan sampingannya.

“Saya memang minat memelihara kambing sejak kecil. Jadi, saya mula memelihara lima hingga enam ekor kambing di kebun saya di Johor pada 2007, selepas kerja enam tahun sebagai penjawat awam.

“Pada mulanya, saya hanya memelihara, namun selepas berkenalan dengan seorang konsultan syarikat penternakan kambing, dia mengajar saya selok-belok perniagaan

jual dan beli kambing,” katanya.

Bermula dari situ, Hairul Nizat berjalin-jalin dalam perniagaan kambing untuk korban, aqiqah dan lain-lain serta mendapatkan kelulusan daripada ketua jabatannya untuk menjalankan kerja sampingan di luar waktu pejabat.

“Apabila saya menjalankan perniagaan *trading* kambing, saya tidak lagi memelihara, sebaliknya ambil bekalan daripada pemborong dan menjualnya kepada pelanggan. Saya mempunyai rakan kongsi yang mahir dan berpengalaman, memudahkan lagi kerja saya terutamanya ketika saya sedang bekerja di pejabat.

“Selain mendapatkan bekalan daripada pemborong, saya juga membeli kambing daripada penternak-penternak kecil di sekitar Ayer Hitam, Rengit, Batu Pahat dan Parit Raja, Johor. Secara tidak langsung, saya juga dapat membantu memasarkan kambing milik penternak di kawasan-kawasan ini,” katanya.

Secara puratanya, setiap bulan, Hairul Nizat dapat untung bersih sekitar RM1,000 setelah ditolak upah pekerja, perbelanjaan makanan kambing dan semua kos terlabat.

Selain itu, dia turut melakukan kerja lain sebagai broker tanah kerana melihat potensi pekerjaan itu boleh mendatangkan hasil.



Hairul Nizat sedang memberi kambingnya makan.